

05 NOV 1998

LEAD Mahathir-Singapura

MALAYSIA DAN SINGAPURA SETUJU PERBAIKI HUBUNGAN

SEPANG, 5 Nov (Bernama) -- Malaysia dan Singapura hari ini bersetuju untuk berusaha ke arah memperbaiki lagi hubungan dua hala dan mengetepikan apa jua perselisihan antara dua negara berjiran itu.

"Kita harap begitulah, kecuali ada orang lain yang menyatakan sesuatu. Bukan saya," kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada persidangan berita bersama dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong di Pan Pacific Hotel, bersebelahan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini.

Goh tiba di sini hari ini untuk lawatan sehari. Kedua-dua pemimpin itu telah mengadakan perbincangan dua hala di Bilik Bunga Raya di lapangan terbang itu. Pertemuan itu merupakan yang kelima antara mereka sehingga ini tahun ini.

Dr Mahathir telah ditanya sama ada kedua-dua negara akan mengetepikan perselisihan antara mereka dan berusaha ke arah memperbaiki lagi hubungan.

Goh memberitahu persidangan akhbar itu bahawa perbezaan antara kedua-dua negara itu mungkin akan timbul, tetapi apa yang penting ialah merapatkan jurang dan berusaha ke arah memaksimumkan bidang-bidang persamaan.

"Di mana kita boleh bersetuju, kita akan bersetuju dan di mana kita tidak bersetuju mengenai perkara tertentu, kita bersetuju untuk datang semula kemudian," katanya.

Pertemuan terakhir antara Dr Mahathir dan Goh ialah pada upacara pembukaan bersama laluan kedua Malaysia-Singapura pada April tahun ini.

Hubungan antara Malaysia dan Singapura menjadi agak dingin dalam beberapa bulan lepas berkaitan beberapa isu termasuk soal penempatan kemudahan imigresen, kastam dan kuarantin Malaysia di stesen kereta api Tanjong Pagar, Singapura, permintaan negara itu untuk menambah bekalan air dari Malaysia dan kedudukan simpanan pencen rakyat Malaysia dari Semenanjung yang bekerja di Singapura.

Goh dilaporkan berkata di Singapura Ahad lepas bahawa Singapura mahu mempunyai hubungan yang baik dengan Malaysia, dan bahawa hubungan yang tidak baik tidak akan memberi keuntungan kepada mana-mana pihak.

Ketika ditanya tentang apa yang dibincangkan mereka hari ini, Dr Mahathir berkata mereka berbincang tentang isu-isu dua hala dan bagaimana kedua-dua negara boleh memperbaiki lagi hubungan mereka.

"Kami berbincang secara spesifik tentang bagaimana Singapura boleh membantu Malaysia dalam masa krisis ekonomi ini," kata Dr Mahathir.

Mereka juga berbincang tentang bagaimana Malaysia boleh memenuhi keperluan air oleh Singapura, kata beliau.

Goh sementara itu berkata pada pertemuan mereka yang lepas di Johor Baharu pada April, mereka membincangkan pelbagai perkara kepentingan bersama.

"Kami sedang memperdalam lagi perbincangan kami," kata Goh sebagai merujuk kepada perbincangannya dengan Dr Mahathir.

Mengenai bekalan air ke Singapura, Dr Mahathir berkata Malaysia akan menentukan berapa banyak air yang akan dibekalkan ke Singapura dan berapa banyak yang diperlukan oleh negara itu.

Singapura mahu melanjutkan perjanjian bekalan air yang ada sekarang sehingga melebihi tahun 2061.

Ekoran perundingan pada Februari antara kedua-dua Perdana Menteri itu di Kuala Lumpur, Malaysia bersetuju untuk terus membekalkan air ke

Singapura selepas tahun 2061, dan persetujuan itu sepatutnya disahkan dalam suatu perjanjian dalam tempoh 60 hari.

Tempoh 60 itu sudahpun berakhir tetapi perjanjian itu belum lagi ditandatangani.

Mengenai penempatan semula pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Malaysia dari tapaknya di atas tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Tanjong Pagar, Dr Mahathir berkata beliau dan Goh telah membincangkan perkara itu hari ini tetapi tidak ada persetujuan dicapai.

Singapura telah memindahkan pusat CIQ-nya dari Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos tahun lepas.

Malaysia baru-baru ini diberi tempoh lanjutan satu-setengah bulan untuk mengemukakan hujahnya daripada segi undang-undang bagi mengekalkan pusat CIQ di Tanjong Pagar selepas meminta Singapura melanjutkan tempoh asal untuk berbuat demikian tamat pada 31 Okt.

Apabila ditanya sama ada pertemuan susulan akan diadakan berikutan pertemuan mereka hari ini, Dr Mahathir berkata pegawai-pegawai dari kedua-dua negara akan bertemu.

Mengenai penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat jet tentera udara Singapura, Dr Mahathir berkata mereka bersetuju supaya pihak berkuasa Malaysia memberikan kelulusan segera bagi operasi mencari dan menyelamat.

Bagaimanapun Dr Mahathir berkata Singapura masih perlu meminta kebenaran terlebih dahulu.

Goh berkata terdapat prosedur tertentu yang perlu dipatuhi oleh Singapura.

Goh juga berkata bahawa Singapura bersetuju untuk membantu Malaysia dalam usaha mengatasi masalah kewangan yang dihadapinya tetapi ia perlu memastikan terlebih dahulu apa keperluan Kuala Lumpur.

Beliau berkata Dr Mahathir telah memberitahu beliau tentang keperluan Malaysia.

"Butirannya akan diuruskan oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua negara," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa Malaysia perlu mendapatkan tabungan di Singapura.

Beliau berkata Singapura telah berjanji untuk merundingkan tentang cara terbaik republik itu dapat memberi bantuan daripada segi itu.

"Singapura boleh memberi bantuan kepada Malaysia dalam masa krisis ini," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

ES NMO